

SOALAN NO. : 82

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 10 OGOS 2017 (KHAMIS)

SOALAN:

Dr. Azman Bin Ismail minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan perkembangan Projek Tebatan Banjir di utara Kedah khususnya segmen yang melibatkan Sungai Kedah. Apakah masalah yang menyebabkan projek ini tergendala di sekitar Kubang Pangas

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Status kemajuan kerja fizikal bagi Projek Pembinaan Lencongan Sungai Baru dan Menaiktaraf Sungai Anak Bukit, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedah/ Anak Bukit, Kedah sehingga 11 Julai 2017 adalah seperti berikut:

Jadual	:	92.00%
Sebenar	:	77.00%
Lewat Jadual	:	-15%

Masalah yang menyebabkan projek ini tergendala di sekitar Kubang Pangas adalah disebabkan perkara-perkara berikut:

- 1) Isu Kesesuaian Tanah Bagi Pembinaan Ban Lencongan Banjir;
- 2) Isu Pembinaan Jambatan JKR di Ch4,600 dan Ch9,600; dan
- 3) Kelemahan Pengurusan Tapak Oleh Kontraktor

Tindakan segera yang diambil oleh pihak JPS bagi menyiapkan projek ini adalah:

- 1) JPS telah melaksanakan Makmal Kejuruteraan Nilai Bilangan ke 2 pada Nov 2016 untuk memohon tambahan kos projek daripada RM442.35 juta kepada RM641.35 juta kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi memenuhi keperluan

tambahan MADA, JKR, pesawah, peningkatan kos pengalihan utiliti dan peningkatan kos pengambilan balik tanah.

- 2) Memantau kerja secara mikro supaya aktiviti yang penting disiapkan sepenuhnya sebagaimana berikut:
 - a. Pembinaan lencongan (kerja tanah, jalan ladang, jambatan *Light Traffic Bridge*, struktur *Field Of Takes*, *Drainage Outlet*, *Inlet*, *Barrage*, *Inverted syphon*);
 - b. Pembinaan 2 buah jambatan JKR;
 - c. Pembinaan tali air MADA dan semua struktur pengairan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (83)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 10 OGOS 2017
[RABU]**

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM]**

SOALAN :

YB TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan purata pendapatan dan perbelanjaan isi rumah bagi kumpulan B40 mengikut negeri, jantina ketua isi rumah dan kaum bagi 2015-2016 dan nyatakan pencapaian dalam bentuk statistik kerajaan dalam usaha peningkatan taraf hidup kumpulan B40.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) merupakan penyiasatan berkala yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan kekerapan dua kali bagi setiap lima tahun. Tujuan utama penyiasatan ini adalah untuk mengumpul pola taburan pendapatan isi rumah dan juga bagi mengenal pasti golongan isi rumah miskin. HIS merupakan penyiasatan secara sampel yang meliputi negeri serta kawasan bandar dan luar bandar.

Penyiasatan Pebelanjaan Isi Rumah (HES) pula dijalankan dalam tempoh lima tahun sekali. Tujuan utama penyiasatan ini adalah untuk mengumpul maklumat tentang paras dan trend perbelanjaan penggunaan oleh isi rumah ke atas pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan.

Penemuan penyiasatan yang terkini HIS dan HES adalah pada tahun 2014. Manakala penyiasatan yang terkini sedang dijalankan adalah pada tahun 2016 di mana aktiviti pengumpulan data di lapangan

bermula pada Mei 2016 dan berakhir pada April 2017. Data penyiasatan HIS bagi tahun 2016 dijangka akan dikeluarkan pada Oktober 2017 manakala HES bagi tahun 2016/2017 dijangka akan dikeluarkan pada November 2017.

Berdasarkan kepada penemuan HIS 2009, 2012 dan 2014, julat pendapatan isi rumah B40 telah meningkat daripada RM2,300 pada tahun 2009 kepada RM3,050 tahun 2012 dan RM3,860 pada 2014. Nilai julat pendapatan ini akan berubah mengikut trend pendapatan isi rumah Malaysia.

Secara keseluruhan, kadar pertumbuhan purata tahunan isi rumah kumpulan B40 bagi tempoh 2012 dan 2014 telah meningkat sebanyak 15.9 peratus iaitu daripada RM1,847 pada 2012 kepada RM2,537 pada 2014. Perbelanjaan penggunaan isi rumah purata pula meningkat sebanyak 9.7 peratus daripada RM1,248 pada 2009 kepada RM2,027 pada 2014.

Lapan (8) negeri telah merekodkan kadar pertumbuhan tahunan purata pendapatan melebihi kadar nasional. Negeri-negeri tersebut adalah

Johor, Kedah, Melaka, Perlis, Selangor, Terengganu, W.P.Kuala Lumpur dan W.P.Labuan.

Bagi kumpulan etnik ketua isi rumah B40 pula menunjukkan kumpulan etnik Bumiputera mencatatkan kadar pertumbuhan purata tahunan tertinggi iaitu sebanyak 17.0 peratus. Ia diikuti oleh kumpulan etnik India sebanyak 16.1 peratus manakala etnik Cina sebanyak 12.1 peratus bagi tempoh dua tahun. Berdasarkan jantina pula, didapati pendapatan purata isi rumah B40 yang diketuai wanita tumbuh sebanyak 17.4 peratus berbanding lelaki iaitu 15.3 peratus.

Melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi dan program bagi meningkatkan pendapatan, pemilikan kekayaan dan taraf hidup isi rumah B40. Ini dapat ditunjukkan melalui peningkatan agihan pendapatan yang meningkat daripada 14.8 peratus pada 2012 kepada 16.8 peratus pada 2014.

Bilangan isi rumah B40 yang berpendidikan tertiar juga meningkat kepada 9.0 peratus pada 2014 berbanding 5.9 peratus pada 2012. Manakala hanya 28.7 peratus ketua isi rumah B40 memiliki Sijil

Pelajaran Malaysia (SPM) dan setaraf pada 2012 dan meningkatkan kepada 36.4 peratus pada 2014.

Sekian, terima kasih.

10 Ogos 2017